

Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi Asean Minggu Ini Akan Nilai Kemajuan Komuniti Ekonomi Asean 2015
Bernama
Ogos 08, 2011
Daripada Nashir Mansor

BALIKPAPAN (KALIMANTAN TIMUR), 8 Ogos (Bernama) -- Menteri-Menteri Ekonomi Asean yang akan bermesyuarat di Manado, Sulawesi, Indonesia minggu ini dijangka menilai kemajuan dan persediaan negara anggota untuk mencapai objektif penubuhan Komuniti Ekonomi Asean (AEC) pada 2015, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Katanya antara objektif penubuhan AEC yang hendak dicapai dalam tempoh empat tahun akan datang itu ialah mempermudah urusan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara Asean.

"Kesemua 10 negara anggota Asean sudah bersetuju terhadap penubuhan AEC. Jadi tugas negara-negara anggota sekarang ialah bagi meningkatkan usaha ke arah mencapai objektifnya," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mustapa bersama kira-kira 30 delegasi, termasuk dari Sabah, berada di Balikpapan bagi meninjau peluang pelaburan di Kalimantan Timur dan pada masa yang sama mempromosikan Malaysia, terutama Sabah sebagai destinasi pelaburan wilayah itu.

Setakat ini, menurut Mustapa, antara pencapaian ketara yang dapat dilihat hasil komitmen yang diberikan negara-negara anggota termasuklah kejayaan menurunkan malah menghapuskan tarif banyak barangan keluaran negara anggota Asean.

Katanya langkah seterusnya ialah untuk meningkatkan lagi pelaburan, perhubungan dan integrasi di kalangan negara-negara anggota bagi merealisasikan objektif sebenar entiti ekonomi Asean itu.

Menurut Mustapa, apabila AEC berjaya menjadi kenyataan pada 2015, ia akan memudahkan pergerakan barangan dan perkhidmatan negara antarabangsa dengan negara-negara Asean dan di kalangan negara Asean sendiri.

"AEC akan diterima sebagai satu unit ekonomi atau pengeluaran untuk Asean. Maksudnya syarikat-syarikat di Asean akan menjadikan Asean sebagai tapak untuk mengeksport barangan dan perkhidmatan mereka ke seluruh dunia," katanya.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=606630>